

Cuit sedikit untuk rasuah
Chedet.co.cc
December 05, 2008
by Dr. Mahathir Mohamad

1. Nampaknya ada orang yang tidak senang kerana saya kecam amalan sogokan wang dalam pencalonan jawatan-jawatan UMNO.
2. Yang jelas daripada teguran terhadap saya oleh orang ini ialah baginya sogokan wang tidak salah bahkan ianya adalah amalan biasa dalam demokrasi.
3. Secara tidak langsung orang ini mendedahkan nama calon-calon yang terlibat dengan sogokan wang. Kononnya teguran saya ialah untuk menjejaskan peluang mereka ini untuk dapat kemenangan. Orang ini sendiri nampak terlibat dengan kegiatan ini. Jika tidak kenapakah dia beria-ia mempertahankan sogokan wang oleh calon tertentu. Jika semua calon terlibat dengan politik wang, apa perlunya mempertahankan calon tertentu dan menuduh tulisan saya sebagai sokongan kepada calon yang bertanding dengan mereka ini. Sekali lagi secara tidak langsung orang ini ternampak percaya calon yang saya dituduh menyokong tidak memberi sogokan. Jika mereka ini juga terlibat maka kecaman saya tentulah terkena kepada mereka juga.
4. Kononnya pengkritik ini penyokong kuat saya. Sokongan kepada siapa pun tidak boleh secara buta-tuli. Saya tak minta saya disokong secara buta-tuli.
5. Tetapi pengakuan bahawa pengkritik adalah penyokong kuat saya bermakna selain daripada kecaman saya terhadap politik wang pengkritik sokong penglibatan saya dalam "Mencatur UMNO". Kenapa penglibatan saya dalam percaturan politik UMNO dahulu tidak dikecam oleh pengkritik, bahkan disokong?
6. Saya belum pernah dengar sesiapa menyokong dan menghalalkan rasuah. Walaupun mereka terlibat dengan rasuah biasanya mereka anggap rasuah sebagai satu jenayah, satu perbuatan haram yang berdosa.
7. Inilah kali pertama saya dapati ada orang yang menghalalkan rasuah. Bagi orang ini asalkan dapat duit apa peduli jika akhirnya bangsa dan negara dijual oleh perasuah yang dipilih memerintah negara melalui sogokan.
8. Na'uzubillah. Barang dijauhi Allah daripada bencana ini.

275 Comments

By Maruah Melayu on December 5, 2008 2:30 PM

Dulu lain sekarang lain Tun....
Melayu mudah lupa Tun.....

Salam Hormat,

Maruah Melayu

<http://www.kelabchedet.com/index.php>

By amir aziz on December 5, 2008 2:32 PM

assalamualaikum TUN....

ibarat kata PEPATAH MELAYU yang tak pernah LUPA.....

1. Sapa Makan Cili, Dia yang terasa Pedas...

Tapi bagi MELAYU YANG DAH LUPA.....

By tukang_karutAuthor Profile Page on December 5, 2008 2:32 PM

Nice title Tun..

someone should be mad at you now..

These days the truth aint not a good thing..

we just ignored it..

Way to go Tun

By zabidimohamed on December 5, 2008 2:34 PM

salam to all.

UMNO dan rasuah begitu sinonim. dah jadi darah daging. susah nak ubah. kalau tak mau berubah, tunggu...satu hari nanti UMNO akan jadi badan seperti PENGAKAP saja. Tapi kalau PAS atau KEADILAN jadi pemerintah pun belum ada jaminan perkara yang sama akan jadi amalan.

By Lisair on December 5, 2008 2:35 PM

Salam Tun & All,

Siapa kah gerakan org itu Tun?

Sy sokong Tun, dulu, kini & selamanya.

Selamat hari raya Qurban.

Happy holiday.

By Panglima Jahanam on December 5, 2008 2:38 PM

Pergi jahanam dengan orang yang katakan begitu Tun.

Kita perlu goncangkan kepimpinan yang sokong rasuah. Tidak ada tempat untuk mereka dalam hati orang Melayu.

Orang Melayu yang rasuah tidak diperlukan. Pandai dan cerdik macammna pun beliau. Kami tidak mahu perasuah dan penerima rasuah dalam apa bentuk pun.

Pergi Jahanam Kamu Semua.

By Lisair on December 5, 2008 2:41 PM

Salam semua,

Tun, Tumpang lalu,

sy sokong anak tun Mukhriz dlm hal mengubah sistem pelajaran Malaysia. It have to be consider for future.

No more sekolah jenis kebangsaan, we malaysian should only have 1 school for all, and maybe 2 kind of school.

Public & private(4 the wealthy people).

well, this is only my thought....

By Dr.Siddiq AzaniAuthor Profile Page on December 5, 2008 2:44 PM

hahaha. Tun, seranganmu tetap berbisa seperti dulu. tajam dan sangat sinis. hahaha. salam tun.

memang rasuah dalam umno sudah tidak dapat disangkal lagi. sangat parah ini kerana G7 yang dipilih oleh bahagian itu memungkinkn rasuah berlaku. bertanding G7 pun pkai duit gak tun...

oleh itu cadangan muhyiddin untuk kembalikan hak mengundi kepada 100000 pemimpin cawangan amat dialu-alukan. bukan terhad kepada 2000 lebih orang sahaja iaitu G7.

tapi tanya saya la kan tun, kita bagi 3.3 juta ahli mengundi terus lagi baik. baru betul demokrasi.

dengan izin,

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/12/01/kisah-ahli-nujum-yang-bodoh/>

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/12/03/chua-soi-lek-please-dont-cry/>

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/11/24/rafidah-kau-tipu-aku-jat/>

<http://writtenbyhim.wordpress.com/2008/12/01/kisah-ahli-nujum-yang-bodoh/>

By eljeha on December 5, 2008 2:45 PM

Assalamualaikum and gd day to all,

No excuses. rasuah tetap rasuah. No one should or will make it 'legal' OR 'acceptable'. I dont understand why rasuah in politics should be called ' wang politik' Is it to make those involved look less guilty/ dirty???

regards

By mohdnoorsharuddin on December 5, 2008 2:48 PM

salam tun...

saya da xde ape nk komen tun...tp die org ni mmg bangsat...kepada perasuah dan pemakan rasuah LU PK LAH SENDIRI!!!!jgn sampai malaikat maut terjumpe korang!!!

p/s

hapuskan saje sekolah tamil,cine & agama...private school pun jgn dilups...teruskan sekolah wawasan!!!

By guppyAuthor Profile Page on December 5, 2008 2:48 PM

Salam YABhg Tun

menarik sekali tentang rasuah ni.Inilah keadaannya skrg apabila ada kepentingan maka dihalalkan amalan rasuah ini.Jika ditegur orang ini melatah bagai nak rak tp jika ia berkepentingan semua jadi baik.Sy mengikuti juga perkara ini dan inilah yang selalu sy fkrkan apa dah jadi dgn orang-orang UMNO ni.Mulut bergegar-gegar melaungkan perjuangan hati melaungan kekayaan yang nak dicari.Kerisauan semua rakyat siapalah yang beri perhatian.Betullah kata seorang blogger tu NO ACTION TALK ONLY.....inilah orang-orang kebanggaan UMNO.

UMNO akan hancur jika tidak disegerakan pembersihan dalaman.Harap dalam bulan ini jugalah pembersihan ini dilakukan.Kekuatan UMNO akan kembali jika semua ahli yang benar-benar ikhlas dan ambil berat melaksanakannya at any cost.Mmg pahit untuk mengubati penyakit tp kenalah juga jika nak panjangkan usia.Kena berusaha mcm kanser jika tak jalani rawatan kemo mungkin lebih cepat kehilangan nyawa.Allah Ta'ala juga nak kita berusaha jangan berserah pd takdir.Jadi Allah akan memanjangkan usia itu.Mcm tu juga penyakit yg dihidapi UMNO, kenalah jalani rawatan dan buang apa yang akan merebak dan memusnahkannya.Pahit mmg pahit tp kena berani.

Sama-samalah kita berdoa penyakit dalam UMNO dapat diubati dgn segera sebelum Mac 2009. Sampai masa penyakit itu akan dapat diubati terus. Klawi bisul buang matanya yang boleh tumbuh semula biar perit dan sengsara sakit tp baik terus.....

Kepada YABhg Tun didoakan sejahtera dan sihat walafiat selalu agar dapat menulis berterusan.....Wasallam.

By choi2068 on December 5, 2008 2:49 PM

Salam yg berbahagia Tun

Punca kenapa org sanggup merasuah perwakilan adalah kerana di dalam UMNO kalau sekiranya jadi Ketua Cawangan pun dah leh wat duit. Inikan kalau Ketua Bahagian. Rasuah yg ditaburkan adalah sebagai Pelaburan jangka panjang. Apalah sangat kalau setakat 100 K atau 200K di tabur sedangkan pulangnya BERJUTA RM. Inilah pucunya kenapa mereka sanggup Berasuah.

Muga Tun sihat selalu

By pakpandir08 on December 5, 2008 2:51 PM

Salam sejahtera Tun ... ingin mengingatkan Tun bahawa sudah tiba masanya Tun perlu mendedahkan SENARAI NAMA pemimpin-pemimpin yg rasuah, yg Tun katakan Tun memperolehnya ...

Tidak faham apa yg Tun ingin menunggu-nunggu lagi ... jangan-jangan pula ini hanyalah satu taktik untuk mengugut pemimpin yg disenaraikan, agar menyokong anak Tun dalam pertandingan, sebagai syarat untuk tidak mendedahkannya ...

Sila memaparkan senarai nama secepat yg mungkin, kerana ramai yg mengatakan Tun mengarut sahaja ataupun satu taktik politik ... harap-harap Tun mampu membuktikan apa yg Tun katakan dlah benar

Hmmm .. dah lama ku menunggu-nunggu senarai nama ni, telur burung di pokok mangga depan rumahku sudah pun menetas ... entah-entah kena tunggu sehingga anak burung itu dewasa pun tak nampak senarai nama yg dikatakan ...

By Han SoloAuthor Profile Page on December 5, 2008 2:52 PM

Dearest Tun,

Is there a 'fatwa' for 'rasuah'?

If not, then it's 'halal'.

<http://wtfmalaysiangovernment.blogspot.com/>

By nab38 on December 5, 2008 2:52 PM

Assalamualaikum Tun,

Diaorg semua tu mana ada kira dah halal atau haram, dosa atau pahala, asalkan diri senang, dapat kuasa, duit banyak... mana ada lagi pemimpin kat Malaysia ni yang utamakan rakyat.. utamakan poket sendiri je.. buat penat kita kata kat depa je Tun... apa pun Tun you are the best... Pak Lah dan kroninya memang pengkhianat bangsa..

You are the best

By bagelo on December 5, 2008 2:57 PM

salam tun..

Saya lahir dlm sebuah keluarga yang kuat menyokong UMNO, saya amat berminat dah menyokong UMNO daripada kecil lagi.. Amalan politik wang setahu saya telah berlaku dalam zaman Tun menjadi PM lagi, tetapi sejauh mana TUN tahu mengenai ini saya pun tidak pasti, Ayah saya salah seorang jentera

bagi calon tertentu yang akan bertanding di peringkat bahagian dan beliau sendiri tanpa segan silu mengedarkan wang untuk membeli undi. Pada pandangan saya UMNO akan rosak dan kepimpinan UMNO akan bertukar tangan kepada golongan kaya yang kebanyakan secara langsung terjebak dengan amalan rasuah dan masalah moral.

By reeckless on December 5, 2008 2:58 PM

Salmamz Tun,

I am the frist one.. apa yang saya nampak sekarang ini di malaysia yang miskin semakin miskin dan yang kaya semakin kaya akibat rasuah...hopefully org kita akan sedar betapa teruknya perbuatan rasuah ini..

Salamz dan sejahtera untuk Tun Sekeluarga

By azizal on December 5, 2008 2:59 PM

apa boleh buat ayahanda tun, mereka ini sudah menghalalkan rasuah sejak dulu lagi.."alah bisa tegal biasa...."

agak2nya si KJ tuu pernah bagi rasuah tak?

By monday1 on December 5, 2008 2:59 PM

saya percaya tun akan mendedahkan nama mereka, biar kita ahli umno dan rakyat tahu warna sebenar mereka...

mereka lupa, dan pak lah sibuk nak buat ini dan itu walhal dan semakin lingkup umno ni....

saya cadang kan tun untuk menurunkan dalam blog tun ini iaitu ucapan terakhir nabi kita nabi muhammad s.a.w

ada dinyatakan dengan jelas ttg riba....

terus terukkan mereka tun...

By mansplanetAuthor Profile Page on December 5, 2008 3:03 PM

GEJALA RASUAH NI MEMANG SUDAH SEBATI.NIAT MENGHALALKAN CARA.AHLI UMNO PERLU SEDAR KEIKHLASAN DALAM PERJUANGAN YG MEMAINKAN PERANAN UTK KEKUATAN PARTI. SEBAB ITU SAMPAI HARI INI SAYA MASIH TIDAK MENJADI AHLI UMNO WALAUPUN MENGUNDI UMNO DAN BN. SIKAP AHLI YG MUDAH DIBELI DGN WANG, HADIAH DAN HABUAN MENJADIKAN AHLI UMNO BUTA DLM MEMILIH ORG YG LAYAK MENERAJUI UMNO. PILIHLAH ORANG YG IKHLAS BEKERJA TANPA MENGHARAPKAN UPAH DAN BALASAN KERANA MEREKA SANGAT SESUAI UTK PARTI. MELAYU MEMANG MUDAH LUPA.SEMANGAT DAN PERPADUAN MELAYU SEMAKIN LONGLAI KERANA DIBAYANGI OLEH KESENYAMANAN, NIKMAT SEMENTARA.MEREKA INI TERMASUKLAH GOLONGAN YG KONONNYA PROFESIONAL, ELIT DAN HARTAWAN YG MENDAPAT FAEDAH HASIL PERJUANGAN AHLI-AHLI UMNO YG AKHIRNYA MEREKA MENIKAM UMNO SAMA ADA DARI DLM UMNO ATAU PIHAK PEMBANGKANG YG SANGGUP BERKAWAN DGN SYAITAN(SEPERTI KATA TOK GURU NIK AZIZ)DEMI MEMUSNAHKAN PERTUANAN MELAYU DI MUKA BUMI HANYA INGINKAN SEDIKIT KEKUASAAN, PANGKAT DAN HARTA UNTUK DIRI.

By nangada on December 5, 2008 3:04 PM

selagi amalan rasuah tidak di benteras, selagi itu kepimpinan melayu tidak akan ke mana mana.

kesannya, orang melayu juga masih berada pada tahap mentaliti yang sama. inilah masalah orang melayu yang sebenarnya sudah disedari pemimpin-pemimpin melayu. mereka sedar dan bersemangat melaungkan janji untuk membantu.namun, hakikatnya ia sekadar laungan memancing simpati semata-mata. sedarlah pemimpin-pemimpin melayu,masa depan anak-anak kita juga tanggungjawab anda...

By longjaafar on December 5, 2008 3:04 PM

Rata2 didalam akhbar dan TV, perkara buruk ini masih di panggil 'politik wang', walhal ia ada lah rasuah. Nampak nya, saolah olah ada niat untuk 'meringankan' gejala ini, supaya masyarakat dapat menerima hakikat dan realiti bahawa rasuah politik sudah jadi daging darah arena politik UMNO.

Saya teringat beberapa tahun dahulu kita ada 'pendatang haram'. Oleh kerana takut jiran kita terasa hati,

kita telah menukarnya kepada 'pendatang tanpa izin'. Serupa dengan rasuah politik: Perkara yang sama di beri nama lain.

By nangada on December 5, 2008 3:05 PM

selagi amalan rasuah tidak dibentasi, selagi itu kepimpinan melayu tidak akan ke mana mana. kesannya, orang melayu juga masih berada pada tahap mentaliti yang sama. inilah masalah orang melayu yang sebenarnya sudah disedari pemimpin-pemimpin melayu. mereka sedar dan bersemangat melaungkan janji untuk membantu. namun, hakikatnya ia sekadar laungan memancing simpati semata-mata. sedarlah pemimpin-pemimpin melayu, masa depan anak-anak kita juga tanggungjawab anda...

By GEEKHAN on December 5, 2008 3:09 PM

SALAM TUN SEKELUARGA..

TAK MAU KOMEN PANJANG ARI NIE.

PASAL DOK TUNGGU TUN DEDAHKAN 'SENARAI NAMA ORANG RASUAH (UMNO)...

PUTERI BALING, KEDAH

By ejoe on December 5, 2008 3:12 PM

Yg di hormati dan di sayangi Tun,

Kami sentiasa percaya

"Lenggok" Tun tak terjangkau oleh akal kita.

Pemikiran Tun di iktiraf oleh seluruh dunia dan hasilnya yg cemerlang dah mmg nyata

Pengorbanan Tun untuk Islam, Melayu dan Malaysia tak ada tolok bandingnya.

Jasa Tun untuk ummat manusia tanpa sempadan.

Tajam pena Tun sudah lama terbukti

DAN

Kami insan biasa ada akal fikiran tahu menilai antara intan dan kaca...antara berlian dengan permata...

Untuk Tun dan keluarga, Doa dan harapan sy agar sentiasa dirahmati-Nya.

<http://www.kelabchedet.com/index.php>

By aj anak gb on December 5, 2008 3:19 PM

salam tun dan supporters. 'siapa makan budu atau siapa makan cincalok atau siapa makan belacan maka terasalah masinnya'. begitu lah perasa melayu asli ini, kalaulah perasa itu menjadi amalan masakannya, maka jikalau tiadanya tidak rasa lazat lah masakannya. begitu lah tahi rasuah, jikalau tak terima rasuah maka mereka rasa tak akan boleh hidup. dalam UMNO penyagat kuasa akan menyogotkan rasuah untuk mendapat kuasa- tanpa sogokan maka ia tak akan berkuasa. amalan tabur harta untuk berkuasa telah jadi darah daging mereka. kalau tidak berharta maka jangan bermimpi nak memegang tapok kuasa dalam UMNO. contoh yang telah berlaku di hadapan mata kita iaitu Allahyarham dato razali ismail (ex deputy education minister) - beliau tak sogok wang untuk bertanding naib ketua UMNO bahagian kuala terengganu - beliau kalah dalam rebutan jawatan itu. kalau kita perhati selepas kematian beliau semua barisan pimpinan samaada dari pembangkang atau pemerintah dan termasuk pegawai kerajaan amat amat menyanjung tinggi ketokohan beliau. tapi orang atau perwakilan umno kuala terengganu capak beliau keluar dari pucuk pimpinan. yang merintah umno kuala terengganu adalah pegamal rasuah. mereka ini akan jadi perompak negara pula apabila di beri kuasa nanti kerana mereka

ingin mengembalikan pelaburan yang haram itu. ini adalah satu pandangan bukan tohmohan. cancer rasuah di kalangan pemimpin umno sudah sampai ke titik nazak. insaf lah pimpinan umno. terima kasih.
By ^Quaterback^ on December 5, 2008 3:19 PM

Salam Tun,

Pemimpin yang mengamalkan rasuah untuk mendapat tempat tidak akan dapat bertahan lama. mereka mungkin ampuh bertahan sehingga menjelang pilihanraya yang akan datang. Mereka perlu ingat dan sedar rakyat (pengundi) era baru seperti kami bukanlah senang untuk tipu. setelah pendidikan yang agak baik telah diberikan semenjak 2 atau 3 dekad yang lepas oleh Kerajaan, pemimpin seharusnya tidak memandang rendah tentang kemampuan rakyat untuk menentukan masa depan mereka.
By generationYAuthor Profile Page on December 5, 2008 3:20 PM

Assalamualaikum w.r.t.

- Dr. Mahathir. Kami selalu sangat dgr cerita politik dari Dr. Apakah tiada lagi idea membangun utk generasi muda? Kami dah jemu dgn politik. Politik kotor.
- Di dalam artikel ini Dr. ada menulis di perenggan 5 'Kenapa penglibatan saya dalam percaturan politik UMNO dahulu tidak dikecam oleh pengkritik, bahkan disokong?' Betulkah tiada? Saya rasa ada. Dan ramai juga 'pengkritiktu' telah dibuang oleh Dr. Yg tinggal dlm parti sekarangni adalah terdiri dari perasuah dahulu dan penyokong tegar sahaja. Kebanyakan dari mereka kurang 'bijak'.
- Dr tidak perasan barangkali tapi itu yang kami nampak di bawah ini dan sesiapa saja yg berada di bawah akan nampak segalanya yang di atas termasuklah Dr. sendiri.
- Ayuh! kami mahukan idea pembangunan wawasan dari Dr. utk generasi baru dan bukannya asyik politik sahaja. Terima kasih.

By johanni on December 5, 2008 3:21 PM

Y.A.Bhg Tun yg dikasihi,

Salam kepada Tun & Bloggers,

Pepatah Melayu kuno: siapa makan chili dia terasa pedas...
Mereka ini lah yg telah membawa UMNO dan semua orang Melayu kekancah kehancuran... Agama jadi gadaian wang sogokan untuk mentela'ah kehidupan duniawi mereka semata2...

Saya tidak hairan kalau mereka2 ini semua hasil dari Islam Hadhari Pak Lah... Islam moden, berfikiran lebih moden dari Islam sebenar...

Ini adalah pengikut buta tuli UMNO yg sedia ada sekarang... sudah tidak ada segan silu mengenai permainan wang sogokan, asalkan nama WANG.... yang haram dihalalkan... dan yang halal diharamkan dengan se-nafas sanggup membelakangkan agama demi untuk kepentingan diri sendiri... dah tak takut kepada azab balasan dari Allah Azawajjalah...

Orang2 seperti ini lah yang akan membawa bencana kepada orang lain yang tidak bersalah..... Nabi s.a.w mengajak kita semua bertaqwa ke Allah swt... jauhi daripada yang dilarang... Islam itu sudah sempurna kenapa mesti dinodai dengan perbuatan keji ini...

Saya bersyukur kerana dengan jasa baik Y.A.Bhg Tun kami sekeluarga dapat hidup serba serbi mencukupi dengan peluang pembelajaran keluar negara 20 tahun lalu... terima kasih Tun... jasa mu tetap dikenang.

By Jawa+Melayu on December 5, 2008 3:22 PM

Assalamualaikum & Selamat Hari Raya Qurban TDM!

Sejarah telah membuktikan & Al-Quran sendiri terdpt kisah2 sesuatu bangsa @ kaum yg pupus @ musnah akibat tangan @ tindak tanduk mereka sendiri & bukannya kaum @ bangsa2 lain secara

khususnya.

Melaka jatuh ketangan Portugis angkara pemimpin2 Melayu ketika itu yg tamak & gila kuasa sehingga sanggup menjual maruah bangsanya bersengkokol dgn musuh, akibatnya tak bersultan Melaka hingga sekarang, kasihan dia!

Melayu2 patut berusaha merapatkan barisan supaya bukan sahaja kuat tapi dihormati. Institusi Raja perlu diselia dgn baik, darjah kebesaran tidak sewenang2nya dikurniakan kpd sesiapa saja yg jasanya tak seberapa. Akibatnya ramai "datuk" naik mahkamah atas berbagai alasan, kurnian ini pun adakalanya boleh jadi rasuah!

Setiap orang Melayu dari bawah hingga keatas perlu ada jati diri yg jitu, maka barulah kaum2 lain hormat & pandang tinggi, jauhi rasuah.

By hairi nawi on December 5, 2008 3:23 PM

salam Tun dan komentar sekalian,

saya suka cara Tun, membicarakan sesuatu utk mengumpam. Bila umpan kena maka kita akan tau siapa mereka yg menghalakn rasuah dgn mcm2 alasan utk mbenarkn perilaku mereka. Cuma bukti saja yg perlu cari.

bahkan apabila ada yg sokong pandangn Tun dan mengkritik kepimpinan sedia ada maka mcm2 label diberi, dan ini juga akn mdedahkan sifat sebenar mereka dlm soal ketelusan, keadilan dan kredibiliti mereka.

apakah hina sgt seseorg pgkritik itu shgga sggup menyokong membuta tuli, org bkn sokong Tun tetapi pandangn Tun. Apa yg Tun suarakan adalah sesuatu yg universal, yg semua org terima sbgai nilai kemanusiaan. Apakah org akn sokong Tun kalau Tun buat jahat, tidak.

Rasuah adalah kejahatan, membiarkan anasir2 rasuah adalah sesuatu yg jahat. membicara tentang usaha utk membanteras rasuah tetapi diri sdiri, keluarga dan anak menantu sdiri yg menerima rasuah dlm btk lain, serta membiarkan kroni2 sdiri dgn amalan rasuah dan sogokan scara berleluasa juga merupakan sesuatu yg jahat.

apakah rakyat akan terima kepimpinan sbegini yg cakap tak serupa bikin, paku dulang paku serpih. bukan rakyat tak terima susuk tubuh pak lah tp org tak terima dgn sikap dan nilai kemanusiaannya yg rendah, lain apa yg dicakap lain pula apa yg dibuat, hari ini cakap lain, esok buat lain pula. apa erti semua ini? jgn perbodohkan rakyat. jgn byk memberi alasan krn rakyat mahukan kepimpinan yg stabil dan konsisten dlm membuat keputusan penting utk negara.

By whitesnake on December 5, 2008 3:23 PM

...then dsaab is right to set an Anti-Corruption Commission... or you feel giddy about it?????

By AZIF on December 5, 2008 3:27 PM

Tun amat mulia,

Memang dah semula jadi bagi UMNO, maka mereka menghalal kan politik wang dan sogokan. Telah lama pun wujud budaya ini, dan tidak hairanlah kenapa UMNO tidak bolih di pakai lagi sebab yang terpilih hanya memimingkan diri sendiri untuk berkuasa dan membuat wang dengan memasuki UMNO yang kononnya mereka kata Halal.Tun sendiri telah katakan demikian, dan ini berlaku disetiap negeri daripada Bahagian, Cawangan. UMNO telah lama lari daripada prinsip perjuangan asal maka tidak mustahil ini sudah menjadi budaya seterusnya.Maka yang meluluskan demikian adalah pucuk pemimpin UMNO yang berjuangkan Islam Haidari AAB , DSN, KJ dan MT Tertinggi UMNO.

Pada hari jumaat yang mulia ini marilah kita sekalian umat Islam yang telah banyak berjasa bagi perjuangan UMNO tanpa ragu lagi meminta petunjuk supaya mereka yang tamak inginkan kuasa dan tamakkan wang di berikan petunjuk didunia ini oleh Allah yang Maha Esa.Bersamalah kita berdoa supaya hesejahteraan Malaysai dia jauhi oleh mereka yang sedemikian. Tun, tengoklah nanti pada pemilihan di Terengganu bolih tak UMNO bertahan? Kalau UMNO tewas maka terbuhtilah rakyat telah bertindak, dan akan bertindak seterusnya hingga pada PRU 13 nanti kesemua kerusi tidak bolih lagi di Pertahankan dan

dimenangi oleh UMNO & BN. Sebab apa yang telah berlaku akan berlaku dan yang salah tak akan hendak mengaku dan seterusnya mencari siapa yang salah seterusnya. Maka Tun lah punca UMNO tewas. inilah jawapan mereka semua. Apakah prinsip asal perjuangan UMNO & BN. Bolih lagi kah pemimpin yang gagal di berilagi peluang untuk terus memimpin, atau memberikan muka lagi. Maruah UMNO tidaklah sepenting daripada menjaga kepentingan peribadi Persident nya dan MT UMNO nya. Maka mereka yang bolih membuat keputusan, membuat keputusan mengikut kepentingan beribadi, keluarga. orang tertentu dan diagihkan pada setiap Bahagian/ Cawangan. Nampaknya tiada jalan lain lagi, hanya untuk menunggu PRU 13 untuk kepastian UMNO & BN tidak lagi relevan untuk memerintah Malaysia. Yang amat menyesalnya adalah mereka yang setia dan memperjuangkan UMNO asal prinsip dan landasan yang betul. UMNO tewas sebab hanya segelintir saja ahli lebih kurang 2500 Ahli dibenarkan memilih pada pemilihan yang akan datang ini Mac 2009. Jutaan Ahli yang lain tidak bolih memilih dan hanya berdiam sebab tradisi demikian telah diamalkan oleh mereka yang terdahulu. Kalau UMNO masih hendak berjuang maka sekaranglah masanya dan seterusnya memprotes unyuk AAB letak jawatannya. Ini nolih berlaku dan setiap Ahli UMNO yag mempunyai kad Ahli diberikan kuasa untuk mmilih setiap jawatan daripada President hinggalah seterusnya. Tidak mustahil ini tidak bolih dilakukan. Kami sokong untuk Tun sebagai bekas ataupun Ahli UMNO bagi mewakili kami. Tun, kalau ini dapat dilakukan kami pasti DSN pun akan tewas. Maka UMNO akan menjadi parti saperti dahulu, percayalah kuasa yang bolh memberikan kejutan jika setiap ahli UMNO bolih mengundi antara mereka, dan yang memberikan suapan wang amatlah jelas sekali. Setiap Cawangan / Bahagian akan kami adakan ahli yang kami lantik bagi mengelakan berlakunya penyelewengan untuk didedahkan. Tun, kuasa rakyat UMNO setia bolih di ketengahkan.

By Noor Faiza on December 5, 2008 3:28 PM

Salam Tun,

Hmm.. siapa makan cili, dia terasalah pedasnya...
By bzzAuthor Profile Page on December 5, 2008 3:30 PM

Tun,

Saya ada pendapat. Ramai yg ingat mereka sudah berjaya bila mereka berjaya. Berjaya ada kereta besar, rumah besar, syarikat besar, kawan org besar, hidung besar dan bini besar. Bila berjaya, mereka rasa mereka akan sentiasa gembira. Kejayaan tangga kegembiraan.

Tapi tak ramai yg percaya bila saya kata kita tak semestinya perlu kaya, kerja 24, rasuah, kipas boss atau sebagainya utk berjaya dan gembira. Kita boleh gembira bila tak bagi rasuah bila disaman besar. Kita boleh gembira walaupun anak ramai tapi anak cukup makan. Kita boleh gembira, walaupun belajar 2 tingkat tapi mampu bagi pekerjaan pada org melayu yg lain. Kita boleh gembira bila kita mampu beri bantuan pada org yg memerlukannya.

Tapi berapa ramai pemimpin UMNO sekarang yg tak fikir pasal duit utk diri sendiri bila mereka menilai kejayaan mereka? Masih ramaikah yg fikir mereka berjaya dan gembira jika rakyat turut sama gembira di bawah kepimpinan mereka?

Selamat Hari Raya buat Tun dan Keluarga.
By azhar_manjoi on December 5, 2008 3:35 PM

Tun,

rasuah sudah membarah dalam UMNO.
Pemimpin UMNO yang rasuah sekarang sudah longlai dalam memperjuangkan bangsa.
Tetapi bila memperjuangkan kepentingan diri, keluarga dan kroni mereka yang paling ke depan sekali.

Sedihnya hati.

Saya bukan G7 dan pastinya tidak dapat mengundi. Wakil G7 dari bahagian saya tidak dapat dipastikan

sama ada mereka mempunyai kesedaran untuk menolak pemimpin rasuah.

Yang pasti mereka gembira menjadi perwakilan. Khabarnya puluhan ribu ringgit menanti.

Tun, saya sangat berharap Najib dapat berganding dengan Muhyiddin, walaupun terdengar khabar Muhyiddin merupakan dalang cuba membawa DSAI ke dalam UMNO. Semestinya ini taktik dilakukan samada Mike Tyson atau Ali Rustam. Tetapi jawapan saya adalah Paklah dan KJ.
By mantoba on December 5, 2008 3:38 PM

TUN.

Memang lah orang melatah bila pinggang nya kena cuit.

Tu pasai depa tergeliat bila TUN kata ada senarai perasuah2 dan dah dah serahkan nama2 tu kat BPR dan jawatankuasa disiplin umno.

TUN bukan tak mau nak dedahkan buat masa ni. Bagi depa yang rasuah ni peluang untuk bertaubat dulu atau depa tarik balik rasuah tu.

Kalau depa dok teruskan usaha merasuah baru lah TUN dedahkan.

Nak tengok depa ni ikhlas ka sememangnya lanun politik.

Sepatunya perasuah2 ni takutlah sikit akan azab ALLAH SWT.

TU pasai lah NA kata musuh dia UMNO. Dah tak dak halal haram lagi dalam UMNO. "Membujur lalu melintang patah"

DAP ka MCA ka MlC Ka depa memang dah memang kapiaq. Makan rasuah dalam gelap2 tak pa. Tapi kalau terang2 tu takut jugak kot kena cekup BPR.

Kita UMNO orang Islam mana bolih. Rasuah tetap haram, gelap ka terang ka. Sikit ka banyak ka. Rasuah ni ibarat najis.Kotoq,busuk. Tak kan kemana mewah nya hidup tu kalau disaluti hasil rasuah. Lama kelamaan orang terhidu jugak bau nya.

Saya geli hati bila posting TUN diberi tajuk. "CUIT SEDIKIT UNTUK RASUAH" Mula ingatkan " CUTI2 Malaysia" Kelakar lah TUN...

By Mantoya on December 5, 2008 3:40 PM

Salam Y.A.Bhg Tun,

Org besar UMNO yg melatah tu memang tonggong Tun, dia sendiri yg telanjang kan diri pd khalayak. Dah jadi darah daging pd diorang Tun, bak kata pepatah 'anjing dah biasa makan bangkai, mana pergi pun makan bangkai, tak dpt makan, dpt bau tengok pun jadi le'. Tu yg jadi kat Teluk Ramunia ni habis pasir kena korek yg ntah kemana dijual nya.

Apa pun saya sokong Tun nak sebar nama perasuah tu. Biar 7 keturunan dia orang ingat keturunan perasuah.

Selamat Hari Raya Aidil Adha buat Tun sekeluarga..

By ZINNZAIN on December 5, 2008 3:40 PM

YAB Tun,

Assalamualaikum, Selamat Sejahtera dan Selamat Petang Jumaat.

Siapa yang makan lada maka terasalah pedasnya. Agaknya begitulah perasaan orang yang Tun maksudnya itu.

Rasuah memang telah seolah olah 'dihalalkan' oleh segulungan rakyat Melayu kita. Mereka telah buta mata dan buta hati di seliputi oleh kesenangan dan kekayaan hasil dari wang haram yang didapati melalui perbuatan rasuah.

Ingatlah wahai manusia bahawa wang haram yang dimakan oleh ahli keluarga kamu itu adalah merupakan racun yang akan memakan darah daging keluarga kamu itu nanti.

Sekiranya wang itu kamu gunakan untuk mendirikan rumah besar kediaman keluarga kamu, rumah itu nanti akan menelan keluarga kamu.

Sekiranya wang haram itu kamu gunakan untuk membeli kenderaan mewah, mungkin satu hari nanti keluarga kamu akan ditimpa kemalangan.

Allah SWT maha kaya lagi maha berkuasa dan maha mengetahui akan segala amalan kamu untuk membalas segala kebaikan serta keburukan kamu sama ada di dunia ataupun di akhirat nanti.

Memang diperakui bahawa amalan rasuah terdapat dimana mana di dalam dunia ini. Adalah mustahil untuk amalan rasuah dihapuskan sama sekali.

Negara jiran kita Singapura yang berada di tangga ke 4 mengikut Transparency International Corruption Perception Index (CPI) 2008 yang terkini, mendapat rating 9.4 daripada 10. Ini bermakna terdapat 0.6% rasuah berlaku di negara tersebut. Malaysia berada di kedudukan ke 47 daripada 180 buah negara, dengan CPI 5.1.

Memang sukar untuk menghapuskan gejala ini. Sama seperti gejala dadah. Walau apa pun jua cara yang digunakan untuk membentarasnya, hasilnya amat menyedihkan.

Namun begitu kita tidak bolih kecewa dan berdiam diri saja. Seperti yang Tun katakan sebelum ini, mesti ada keazaman politik atau 'political will' untuk membentaras perbuatan keji ini. Kalau tidak dapat menghapuskannya sama sekali, dapat mengurangkannya pun bolih dianggap satu kejayaan. Janganlah pula rasuah dianggap seperti sesuatu yang biasa dan bolih diterima.

Ingatlah wahai bangsaku Melayu yang rata rata beragama Islam bahawa RASUAH itu HARAM!

Untuk para perwakilan yang akan berpeluang mengundi pada Perhimpunan Agung UMNO Mac 2009, dan sekiranya anda adalah orang Melayu, beragama Islam, janganlah anda mendekati dan mengundi orang-orang yang bergelumang dengan Najis Rasuah yang Haram itu.
By amril on December 5, 2008 3:44 PM

Salam TUN,

mmg melayu mudah lupa.....and melayu HAPRAK je ckp rasuah tu xsalah..

By Emetjais on December 5, 2008 3:46 PM

ASWT

Corruptionwise, we are now worst than before (1960/1970s). Just go around and get any service from public or private; one would find that with grease (money), service is always superb. Corruption is bad but commission is ok. When an UMNO member helps to get support for candidate, he is entitled to a fee (commission). Nobody work for free nowadays.

By Wak Nal on December 5, 2008 3:49 PM

Tun yang dihormati.

Teruskan dengan menulis mengenai politik wang dalam UMNO supaya setidak tidaknya kepada sesiapa yang melakukannya akan terasa. Seperti yang kita maklum, jika teguran demi teguran tidak dilakukan kita akan tetap merasa selesa walaupun segala perbuatan kita itu, kita rasa betul. Masyarakat sekarang telah pun berubah dan boleh berfikir yang mana betul dan salah. Sebagai pengundi yang tidak berada dalam mana mana parti, undi merekalah yang sebenarnya menentukan arus tuju politik tanah air dimana didapati UMNO yang suatu masa dulu gah telah pun menunjukkan semakin lesu dan layu serta tidak lagi dihormati.

Terima kasih.

By pppz on December 5, 2008 3:50 PM

Salam YAB Tun,

Kalau HITAM kita katakan hitam. Kalau PUTIH kita katakan putih.

Yang HARAM tetap haram. Yang HALAL tetap boleh.

Diantara keduanya nak kata apa?

Wasallam.

By tukang_dok_peghatiAuthor Profile Page on December 5, 2008 3:50 PM

ASSALAMUALAIKUM dan SALAM SEJAHTERA..

Saya tahu SIAPA yang Tun maksudkan.. Tengok TAJUK yang Tun tulis pun dah tahu.. Malah kritikkannya terhadap Tun telah pun menjadi medan perbincangan di dalam sebuah FORUM..

Sesiapa yang mengikuti sejarah hidup Tun pasti tahu Tun tak pernah pun TAKUT dengan KRITIKKAN.. Tun pernah dibuang dari UMNO, pernah berhadapan dengan pelajar yang buat kecoh semasa menjawat Menteri Pelajaran, pernah menghadapi gelombang reformasi, mengetuai negara semasa ancaman komunis berakhir dan banyak lagi.. Apalah sangat dengan kritikan daripada Blog yang diketahui masih berfikir UMNO adalah segala-galanya?

Saya pernah buat sedikit ulasan dalam Blog saya pasal ni

<http://sensecredaccountability.blogspot.com/2008/11/umno-jadi-pengecut-dan-takut-dengan.html>

Harap Tun dapat beritahu harapan Tun untuk Pilihanraya Kecil Kuala Terengganu..

Wallahualam..

By solo on December 5, 2008 3:50 PM

Salam Tun

Salam semua

Kadang geli hati jugak bila mendengar pasal rasuah ni. Bosan pon ada!!!!

Selagi ada permintaan (penerimaan) di situ lah ada penawaran .. Eccehh....pandai jugak ekonomi pasal kat sekolah dulu ada jugak belajar.

Tapi sebenarnya siapa perlu di persalahkan dalam Isu rasuah ni.... Dalam Politik Sang Penawar Rasuah di persalahkan sedangkan Sang Penerima Rasuah selalunya terlepas dengan habuan yang di terima.

Tapi kalau dalam Perkhidmatan Awam pulak.. Sang Penerima Rasuah di persalahkan sedang Sang Penawar Rasuah pula terlepas dari hukuman...

Weeeiii macam double standard jer!!!

Bukankah kedua-duanya adalah pengkhidmat kepada seluruh rakyat kenapa berbeza pendekatan.

So apa kata kiter sebat semua Penerima Rasuah!!!!dan juga Pemberi Rasuah!!!!

So careful sesaper yang memberi dan mengambil rasuah. MUNGKIN ANDA AKAN TERPERANGKAP

DENGAN KETAMAKAN ANDA SENDIRI.JAGA-JAGA!!!!

Maaf Tun ...sekadar food for thought..or mebbe food for talk...
By atanmatsaman on December 5, 2008 3:51 PM

Chedet,

Saya rasa la kan....depa ni kalau habaq rasuah ni HARAM pun tak guna, habaq saja rasuah ni 'HALAL'...but without CHOPnya...

Dan kalau depa nak CHOP juga, boleh bagi satu 'TANDEI' kat KAPLA depa.

atanmatsaman
By lolalyenaAuthor Profile Page on December 5, 2008 3:53 PM

salam tun,
betul2.RAsuah nie macam kes malignant stage 4..susah nak ubat.. chemotherapy je for survival..melayu memang mudah lupa..bila dah kene hidung sendiri baru menggelahah gila.. Selamat Hari raya Aidil Adha buat Tun n Family..
By Ataturk on December 5, 2008 3:56 PM

Dear Tun,

Perhaps I can make a suggestion.

Our politicians and mullahs are always talking about the sanctity of Islam.

To uphold this, I suggest a three month amnesty be given to all Muslims who have been indulging in corruption on the condition they return all the ill gotten gains and repent in public.

Thereafter, it would only be appropriate that Muslims convicted of corruption be shot.

Non-Muslims can be jailed. This way Islam's sanctity can be upheld.

Besrt Regards

Ataturk
By tok kadok on December 5, 2008 3:56 PM

Assalamualaikom wtw,
Tun Yang Dikasihi,

1. Apabila Tun berura-ura nak mendedahkan nama-nama mereka yang terlibat dengan rasuah wang semasa mesyuarat Bahagian yang lalu, ramai yang berpendapat hasrat Tun itu tidak wajar dan konon boleh menjatuhkan lagi imej dan nama baik UMNO. Tetapi ramai juga yang mengalu-alukan hasrat Tun itu, malah mereka menunggu bila saat Tun akan mendedahkan nama-nama mereka.
2. Mereka ini menggunakan alasan 'nak jaga nama baik UMNO' kerana takut nama mereka didedah. Mereka tak sanggup nama mereka keluar dalam surat kabar atau TV menjadi bahan tajuk utama berita. Mereka tahu sekiranya itu berlaku, maka nama mereka akan tercemar dan peluang mereka untuk menang akan terjejas. Mereka sebenarnya tahu apa yang mereka buat itu salah dan mereka merasa bersalah. Mereka yang makan cili dan merekalah yang merasa pedas. Jadi untuk menutup rasa bersalah itu, mereka membuat kenyataan-kenyataan yang kononnya mereka anti rasuah dan mengutuk orang yang berbuat begitu. Sedangkan mereka berbuat demikian. Inilah pemimpin-pemimpin munafik yang ada dalam UMNO sekarang. Mereka melimpar batu tetapi menyembunyikan tangan.
3. Perhimpunan Agung UMNO akan berlangsung dari 24 - 28 Mac, 2009. Pemilihan MT akan diadakan pada 26 Mac, 2009. Ini bermakna masih ada 111 hari lagi untuk tempuh berkempen. Lima Bahagian

masih belum selesai bermesyuarat, iaitu Larut, Tenom, Seremban, Tanah Merah dan Pengkalan Chepa. Dan dalam menunggu tarikh 26 Mac itu, satu Pilihanraya Kecil Parlimen Kuala Terengganu akan diadakan pada 17 Feb. 2009. Walaupun bahang kempen nampak seperti lembab kerana masing-masing calon mengambil sikap "tunggu dan lihat" apa yang akan dilakukan oleh calon-calon lain dan ketidaksanggupan untuk bertahan dengan telatah perwakilan yang selalunya "demanding" dicampur dengan rasa takut dan bimbang kalau-kalau kempen membawa padah, tetapi saya yakin Pilihanraya Kecil Parlimen Kuala Terengganu nanti akan menjadi gelanggang kempen untuk MT dan bukannya untuk memenangkan pilihanraya kecil itu. Mereka akan menggunakan peluang berkempen di Kuala Terengganu itu untuk membeli perwakilan. Bukan saja perwakilan-perwakilan dari 8 Bahagian dinegeri Terengganu, tetapi juga perwakilan-perwakilan dari negeri lain yang akan turun untuk meramaikan pesta pilihanraya itu.

4. Saya diberitahu, seorang perwakilan didalam Bahagian Pasir Mas telah mengumpul lebih RM50 ribu semasa kempen pemilihan bahagian yang lalu. Mengikut cerita, perwakilan itu mendapat sogokan dari semua pihak yang bertanding termasuk untuk MT. Kalau seorang perwakilan cawangan boleh mengumpul RM50 ribu, maka bayangkanlah sebanyak mana pengharapan seorang perwakilan bahagian keperhimpunan agung UMNO?. Tiga orang akan bertanding TP. Lapan orang akan bertanding NP. 78 orang akan bertanding MT. Kalau mereka boleh mengumpul RM1 ribu dari setiap calon yang akan bertanding, maka bermakna mereka boleh bermimpi untuk menukar sebuah kereta baru jenama Proton Wira.

5. Hanya keazaman politik saja yang boleh menyelamatkan rasuah politik dalam UMNO. Kalau semua calon-calon yang bertanding mengambil keputusan tidak akan membeli undi dan tidak akan melayan permintaan perwakilan dan menyerahkan diri mereka untuk dipilih berdasarkan merit, maka saya yakin rasuah dan politik wang akan terhapus dengan sendiri dalam UMNO. Mereka yang bertanding misti berkeyakinan bahawa mereka adalah calon yang terbaik untuk dipilih berdasar kebolehan mereka, jasa mereka, kredibiliti mereka dan kemampuan mereka untuk terus memertabatkan Bangsa Melayu dibumi bertuah ini melalui UMNO.

6. Semoga Allah SNW akan menyelamatkan Bangsa Melayu dan UMNO ini.

By pppz on December 5, 2008 4:02 PM

Salam lagi sekali YAB Tun,

Lebih baik tanam tebu ditepi bibir daripada tanam cili. Kalau tak tahan pedas, jangan CUIT SEDIKIT pun sebab haram.

Wassalam.

By azlanAuthor Profile Page on December 5, 2008 4:04 PM

Rasuah sudah dan akan merosakkan agenda bangsa melayu. Mereka kata tak pa sikit je tapi kalau 1 juta yg buat cam tu negara akan hancur...melayu akan tewas...DEB tak berapa berjaya pun sebab rasuah.Rasuah perosak bangsa melayu

By robertson on December 5, 2008 4:10 PM

Salam Tun,

Itulah rasuah dan politik. Ketegasan dalam tindakan terhadap pesalah adalah ubat disamping takut dan bertakwa kepada tuhan. Satu lagi cara yang hebat ialah independence of the ACA seperti yang dicadangkan kini. Tapaim bilakah independence ini? Saya rasa rasuah lebih merugikan negara dibanding dengan membuat empangan (dan menebang pokok) untuk hydro di Sarawak.

By syafiqAuthor Profile Page on December 5, 2008 4:11 PM

tun,

siarkn je nama pemimpin yg rasuah tu..

senang sikit org tau..

sy plg x puas hati dgn pak Ali ni.

kt mlke soal babi tu x settle pon

ade hati nk jd tpm.

soal kecil pon x settle.
mentang2 prob babi tu kne kt org kg. sbb tu dia wat x tau je.
jgn sampai org kt sini undi pembangkang sbg undi protes.
bru dia tau nnt.
de ke patut dia juz serahkn kpd siasatan polis.
pe guno dia jadi k.M melake.
duduk je ke kt office tu..
turun la padang settlekn prob kt kg ni..
bau sgt busuk.
klo umh dia kt cni bru dia tau n amek tndakan cepat
By aku lah barua on December 5, 2008 4:11 PM

Allah telah firman kpd rasullullah bahawa org yg mkn rasuah akan menghalalkan apa saja yg baik baginya. begitu juga dgn pengasas islam hadari, amalan rasuahnya pun adalah yg yerburuk dlm sejarah politik dunia kerana secara terang terangan melakukannya dan dlm masa yg sama melaung keislamannya di mata dunia kononnya dia tu mister clean, mmg abis di cleannya harta negara. saya amat malu mempunyai pemimpin sedemikian kerana dahulunya malaysia disanjung ttp skrg rakyat asia umumnya bukan stkt malaysia mentertawakannya sbg gusdur malaysia. ttp org ini tidak malu kerana sangkanya syurga boleh dibeli... akan ttp rakyat akan mengajarnya dimasa hadapan bukan setakat dia ttp sampai kesemua keturunannya.....
By sanderos on December 5, 2008 4:14 PM

alahai pemimpinku... sudah2 lah tu. Biar BPR yang siasat!
Rakyat tengah budget2 nak hidup sekarang..

TUN.. nak tanya sikit?
Camne nak peringatkan org yang mudah lupa?
By herinamatAuthor Profile Page on December 5, 2008 4:16 PM

Assalamualaikum Tun

Kalau kita dengar tentang orang melayu boleh dikatakan 100% adalah beragama islam, tetapi apakah amalan rasuah yang mereka lakukan itu halal dan boleh dalam islam..
Politik bangsa melayu kita hanya menyerlah pada kuantiti sahaja, tetapi kualiti tidak ada. Ada pada orang-orang tertentu sahaja. Mencari kesenangan hidup dan harta hanya bergantung kepada politik sepanjang hayat. Sedar lah, bangunan la dari lena wahai bangsa melayu. Jangan nanti jadi penumpang di tanah air sendiri. Fikirkanlah sepanjang panjangnye utk masa depan anak2 bangsa melayu.
By Luqmanul Hakim bin Abd RahimAuthor Profile Page on December 5, 2008 4:17 PM

Dear Che Dett..

It seems that we are "tele" (bonding) in this matter... psychology does give us an open view of matters, isn't it ??? You are there... Cheers mate.

Erm.. Would you care to read :

Article # 502 - <http://luqiee.livejournal.com/132145.html>

Article # 501 - <http://luqiee.livejournal.com/132027.html>

Something about PETRONAS & "Rasuah Politik".

Regards,

Luqmanul Hakim bin Abd Rahim bin Abdul Wahab (LHARAW)

URL : <http://LuQiee.Livejournal.com>

By pcuserzAuthor Profile Page on December 5, 2008 4:17 PM

<http://gotbetterideaz.blogspot.com/>

rasuah ibarat macam dadah.
mula rasa cuit sikit.
rasa sedap
nak rasa lagi.
dah lama.
mula tamak, tambah lagi.
lama2 memakan diri.
yang rugi rakyat.

<http://gotbetterideaz.blogspot.com/>

By Mantoya on December 5, 2008 4:22 PM

Salam Y.A.Bhg Tun,

Pembesar UMNO yg melatah tu memang tongong, telanjangkan diri sendiri. Org dah biasa jadi perasuah Tun, bak kata pepatah 'anjing dah biasa makan bangkai, tak dapat makan dapat bau tengkek pun jadi le'. Dah le tu siap kata lak org yg dah keluar UMNO takyah sibuk2 hal dalaman UMNO, bengap punya pembesar. Kepala aje besar, otak kecil.

Sokong Tun nak sebarkan nama2 perasuah tu. Biar 7 keturunan dia org kutuk keturunan rasuah.

Selamat Hari Raya Aidil Adha buat Tun sekeluarga.

By Pak Ali on December 5, 2008 4:25 PM

Salam Tun,

kepada orang-orang yang mengamalkan rasuah, insafalah. Tak elok hidup senang dengan duit haram, hidup kita tidak akan aman. Bila mati kelak, malaikat semua tak main rasuah, yang diambil kira kebaikan dan keburukan yang kita lakukan sahaja masa hidup, tak kiralah Datuk ke, Tan Sri ke, CEO ke, Ulama ke.

Baik insaf selagi masih ada masa, hidup bersih dan makan dari apa yang halal, tidur nyenyak dan conscience very clear. Of course tidak dapat kontrak besar-besar, bawa Mercedes besar, tak bergelar Datuk, tak berkawan dengan orang kaya-kaya, tapi buat apa ini semua? Tuhan boleh tarik balik kesenangan sekelip mata, easy come easy go.

Maaf Tun, terpaksa nasihat sebegini sebab ulama-ulama kita yang prihatin sangat tentang yoga tidak mengeluarkan fatwa keras tentang rasuah ni, mungkin takut orang-orang atasan marah kot, tuhan sahaja yang tahu. Yoga hanya melibatkan si anu dengan Tuhan nya, tetapi rasuah boleh merosakan masyarakat, bangsa dan negara.

wassallam Tun

By abangchiqAuthor Profile Page on December 5, 2008 4:32 PM

Tun,

seperti kata pepatah "siapa yang makan cili, dialah yang terasa pedasnya"

<http://abangchIQ.blogspot.com/>

<http://moneyedition.blogspot.com/>

By mohd haizi Author Profile Page on December 5, 2008 4:33 PM

Assalamualaikum wbt..

Tun yang dihormati..

Itulah masalah dia... seolah2 rasuah nie dah jadi halal dah.. walhal hakikatnya, hukum hakam dah kata HARAM.... masing2 nak jaga dan kejar kepentingan masing.. matlamat pun menghalalkan cara.. Lembaga Disiplin kena lah ambil tindakan... jangan kerana nila setitik rosak UMNO semuanya...

Jangan biarkan ianya menjadi sebatil dalam UMNO... taknak lah nanti bila orang sebut UMNO=RASUAH... kan dah mencemarkan nama parti tue.. tak baik untuk pelajaran sejarah generasi2 pada masa akan datang...

Walaupun TUN bukan ahli UMNO lagi.. tapi demi kepentingan UMNO yang 100% Melayu Islam, harap Tun terus out spoken mengenai perkara dan isu ini.

Apapun Tun, take care and semoga sihat selalu thaw..

Wassalam dan salam hormat

mohdhaizi@mtm///20081205

By marakarma on December 5, 2008 4:39 PM

ASSALA,UA,AIKUM TUN

SOALAN MUDAH YANG DI ULANG SEMULA

JAWAP SAJA

1. TUN RASUAH TAK DULU DAN KINI? ATAU BILA BILA? TUN BERSIH TAK?
2. MAHYUDDIN , MUKRIZ DAN NAJIB YANG TUN KEBETULAN SOKONGMEREKE NI RASUAH TAK ?
3. TUN TOLAK RASUAH KERANA RASUAH TAK BAGUS....ATAU ...NAK SOKONG CALON YANG TUN RASA BERSIH SEBAB DENGAR CAKAP TUN?
4. KALAU TUN PM DAN PRESIDEN TUN RASA TUN BENARKAN TAK BLOG MACAM TUN SEKARANG?

YANG LAIN LAIN TU PERPULANG LAH... TUN NAK KATA KAMI SEMUA. TAK APA. TUN KAYA. TUN BERKUASA. TAPI KUNUNNYA TUN TAK RASUAHCAKAP TUN ORANG PAKAI..SO LET IT BE
By tokbatin on December 5, 2008 4:41 PM

Salam Tun,

1. Ada orang-orang ni Tun, dia tak boleh 'selamat/cari makan' kalau tak beri rasuah.
2. Dan ada orang-orang ni pulak dia tak boleh 'selamat/cari makan' kalau tak terima rasuah
3. Cari makan Tun...,kalau tidak macam mana nak merasa naik kereta Mercedes C200 kompressor...minyak,duit rakyat...keluar negeri,duit rakyat dan macam2 lagi duit rakyat.
4. Pasal tu le kalau bolih seumur hidup nak pertahankan jawatan politik.

Tun, ini saja untuk buat kali ini.

By bakhtiarshah on December 5, 2008 4:42 PM

Tun semoga sejahtera,

Hari ini rasuah dalam UMNO berlaku dari kepimpinan tertinggi parti, kemudian menjalar ke pemilihan Bahagian dan telah menjalar ke persidangan Cawangan juga.

Saya minta jasa Tun sekali lagi kepada bangsa, umumkan sahaja mereka yang melakukan rasuah tanpa pilih bulu.

